

13 OCT 1997

Asean-Pegawai

AEM: PEGAWAI ASEAN MULAKAN MESYUARAT PERSEDIAAN

PETALING JAYA, 13 Okt (Bernama) -- Para pegawai kanan ekonomi Asean memulakan mesyuarat persediannya di sini hari ini bagi menyiapkan apa yang dijangka merupakan agenda yang sibuk bagi mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi Asean (AEM) ke-29 pada Khamis ini.

Mesyuarat pegawai kanan ekonomi (SEOM) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Asmat Kamaludin akan menumpukan pada kemajuan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

AEM adalah penting dalam pelaksanaan Afta, usaha rantau ini untuk mewujudkan pasaran bebas tunggal apabila tarif akan berada pada paras sifar dan lima peratus menjelang tahun 2003.

Asean, gugusan yang merangkumi Brunei, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam, dijangka mempunyai pasaran pengguna seramai 500 juta penduduk menjelang dekad ini.

Ini adalah julung kali AEM, yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Khamis ini, yang akan dihadiri oleh menteri perdagangan dari Myanmar dan Laos yang diterima sebagai anggota Asean sejak Julai lepas pada Mesyuarat Peringkat Menteri Asean ke-30.

Pada dua hari berikutnya, para pegawai tertinggi dari kementerian perdagangan dan industri dari negara anggota Asean dan sekretariat Asean dari Jakarta akan memperkemas komitmen oleh anggota-anggota terbabit untuk mengurangkan tarif.

Mesyuarat itu diadakan ketika ekonomi Asean, terutamanya, Indonesia, Filipina, Thailand dan Malaysia selaku tuan rumah, sedang diuji akibat daripada serangan manipulatif dan spekulatif ke atas matawang masing-masing.

Bersandarkan betapa besarnya masalah yang dihadapi serta kesulitan negara Asean menghadapi dalam membentertasnya secara bersendirian, Malaysia akan mencadangkan agar AEM menimbang kemungkinan strategi bersama menangani masalah tersebut.

Antara mereka yang menghadiri SEOM ialah Ketua Pengarah bagi Kerjasama Ekonomi Asean Laos, Somchith Inthamith; Ketua Pengarah bagi Dasar Perdagangan Pelbagai Hala Vietnam, Tran Duc Minh.

Yang lainnya termasuklah Ketua Pengarah bagi Perdagangan Asing di Jabatan Industri dan Perdagangan Indonesia, Djoko Moeljono; Ketua Pengarah di Kementerian Perancangan Negara dalam Pembangunan Ekonomi Myanmar, Maung Maung Yi dan Ketua Pengarah Jabatan Ekonomi Perniagaan di Kementerian Perdagangan Thailand, Karun Kittisataporn.

Turut hadir pada mesyuarat berkenaan ialah Ketua Pengarah Lembaga Pembangunan Perdagangan Singapura, Ridzwan Dzafir; Penolong Setiausaha Jabatan Perdagangan dan Industri Filipina, Edsel T. Custodio dan Setiausaha Tetap Kementerian Industri dan Sumber Utama Brunei, Dato' Danial Haji Hanafiah.

Kemboja, yang keanggotaannya dalam Asean tertangguh buat sementara waktu, disebabkan keadaan politik di negara terbabit, akan menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang diatur sebagai pemerhati. -- BERNAMA

MR MA NMO